



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM

| 2017/2018

| www.usm.my



KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.	Pendahuluan dan Falsafah	1
2.	Syarat Penyertaan	2
3.	Pengiktirafan dan Penerapan Unit Rancangan Kokurikulum dalam Struktur Ijazah Pertama	3
4.	Kursus-Kursus Kokurikulum	4 – 6
5.	Sistem Penilaian	7
6.	Pendaftaran	7
7.	Maklumat Lain	8 – 16

1. PENDAHULUAN DAN FALSAFAH

Dalam konteks negara membangun, Malaysia memerlukan pemimpin yang bukan sahaja mempunyai latar belakang akademik yang memuaskan, tetapi juga cekap menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan yang sentiasa berubah. Untuk mencapai keperluan ini, rancangan kokurikulum yang dilaksanakan di universiti ini mempunyai falsafah yang berlandaskan kepada nilai-nilai hidup, moral dan disiplin, di samping berusaha memperluas skop pendedahan kepada pelajar dalam pelbagai aspek hidup, selain ilmu yang didapati di bilik kuliah.

- 1.1 Berdasarkan falsafah seperti yang dinyatakan di atas, maka usaha-usaha telah diambil untuk melaksanakan rancangan kokurikulum di Universiti Sains Malaysia dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek seperti berikut:
 - (a) Memberi peluang yang seluas-luasnya kepada pelajar untuk melibatkan diri dalam kegiatan sosiobudaya mengikut pilihan mereka berdasarkan kepada minat dan keupayaan masing-masing.
 - (b) Memberi pendedahan kepada pelajar tentang isu-isu penting berkaitan dengan pembangunan negara melalui kegiatan-kegiatan khidmat masyarakat, kesukarelawanan, kelestarian dan kepimpinan.
 - (c) Mencungkil dan memajukan bakat-bakat terpendam dalam bidang kebudayaan dan sukan. Di samping itu, dapat meningkatkan minat dan bakat kecemerlangan yang sudah wujud.
 - (d) Memupuk minat dan kecenderungan reka cipta dalam kalangan pelajar melalui kursus berteraskan daya usaha dan inovasi.
 - (e) Memberi pendedahan asas keusahawanan agar ciri positif usahawan seperti daya saing, kebolehan berinteraksi, keupayaan berdikari dan waras dalam pengurusan kewangan dapat diterapkan dalam kehidupan pelajar.
 - (f) Memantapkan pembangunan kemahiran insaniah melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum.

2. SYARAT PENYERTAAN

- 2.1 Rancangan kokurikulum terbuka kepada semua pelajar penuh masa dan tidak wajib bagi mana-mana Pusat Pengajian kecuali Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Pusat Pengajian Sains Perubatan, dan Pusat Pengajian Sains Pergigian.
- 2.2 Semua pelajar akan menyertai kegiatan kokurikulum tertakluk kepada struktur dan syarat-syarat pengijazahan yang ditetapkan oleh pusat pengajian masing-masing.
- 2.3 Untuk mendaftar sesuatu kursus di bawah Pusat Rancangan Kokurikulum, pelajar berkenaan hendaklah memenuhi semua keperluan atau syarat-syarat pendaftaran khusus yang ditetapkan oleh kursus tersebut.
- 2.4 Bagi setiap semester, seseorang pelajar dibenarkan mendaftar tidak melebihi daripada 2 kursus kokurikulum (yang tidak bercanggah waktu pertemuan).
- 2.5 Pelajar yang ingin menambah kursus pada minggu pertama awal semester boleh memohon kepada Pusat Rancangan Kokurikulum dan akan dibenarkan menambah kursus kokurikulum yang berkenaan dengan kebenaran Pengarah atau Penyelaras Pusat Rancangan Kokurikulum Kampus.
- 2.6 Pengguguran kursus kokurikulum hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada hujung minggu pertama awal semester dengan alasan yang kukuh disokong oleh Pengerusi Rancangan kokurikulum berkenaan. **Selepas Minggu Pertama pelajar dikenakan denda RM50.00 untuk menggugur setiap kursus.** Minggu terakhir untuk menggugur kursus kokurikulum adalah minggu ke-6.
- 2.7 Bagi kursus-kursus kokurikulum yang dijalankan sepanjang dua semester, pelajar tidak dibenarkan menggugur kursus yang didaftar pada semester kedua. Pengguguran hanya dibenarkan dengan mendapat kelulusan Pengarah/Penyelaras Pusat Rancangan Kokurikulum Kampus.
- 2.8 Semua pelajar yang mendaftar kursus berpakej, diwajibkan meneruskan penyertaan sehingga selesai segala keperluan kursus tersebut. Taekwondo dan Karate adalah kursus berpakej tiga semester (3 unit). Palapes Tentera Darat, Palapes Tentera Laut, Palapes Tentera Udara (10 unit), Kor Suksis, Siswa Siswi Pertahanan Awam Malaysia (Sispa), Silat Cekak, Jazz Band, Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM), Pasukan Ambulans St. John (SJAM), Latihan Bantuan Kecemasan Bulan Sabit Merah (PBSM) adalah kursus berpakej tiga tahun (6 unit). Manakala Khidmat Komuniti adalah kursus berpakej dua tahun (4 unit). Pengguguran dalam kursus berpakej hanya dibenarkan atas sebab-sebab kesihatan atau kelulusan daripada Pengarah Pusat Rancangan Kokurikulum atau Penyelaras Pusat Rancangan Kokurikulum Kampus.

3. PENGIKTIRAFAN DAN PENERAPAN UNIT RANCANGAN KOKURIKULUM KE DALAM STRUKTUR IJAZAH PERTAMA

3.1 Jumlah Unit Yang Diambil Kira

Semua kursus di bawah Pusat Rancangan Kokurikulum diberi nilai unit 1 unit per semester dan pelajar dibenarkan mengambil sehingga 10 unit maksimum. Unit kursus kokurikulum yang lebih daripada **6 unit** tidak akan diambil kira bagi tujuan pengijazahan tetapi akan dicatatkan dalam transkrip pelajar berkenaan. Kursus WUS101-Teras Keusahawanan (2 unit) dan WSU101-Kelestarian: Isu, Cabaran, dan Prospek (2 unit) tidak tertakluk kepada syarat ini dan akan diambil kira dalam pengijazahan sebagai tambahan kepada 6 unit kursus kokurikulum yang lain.

Kursus berpakej adalah Taekwondo (3 unit), Karate (3 unit), Khidmat Komuniti (4 unit), Sispas (6 unit), KLKM (6 unit), PBSM (6 unit), SJAM (6 unit), Palapes (10 unit), Suksis (6 unit), Jazz Band (6 unit), dan Seni Silat Cekak Malaysia (6 unit).

Untuk mendapat maklumat lanjut mengenai penerapan unit kokurikulum dalam struktur pengijazahan, sila rujuk kepada Buku Panduan Pusat Pengajian masing-masing.

4. KURSUS-KURSUS KOKURIKULUM

Kursus-kursus kokurikulum yang ditawarkan dikelompokkan dalam beberapa teras seperti yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan:

4.1 TERAS KESUKARELANAN (6 – 10 UNIT)

1. Palapes Tentera Darat
 - a. WTD 103 Palapes Tentera Darat Peringkat Rendah
 - b. WTD 203 Palapes Tentera Darat Peringkat Pertengahan
 - c. WTD 304 Palapes Tentera Darat Peringkat Tinggi
2. Palapes Tentera Laut
 - a. WTL 103 Palapes Tentera Laut Peringkat Rendah
 - b. WTL 203 Palapes Tentera Laut Peringkat Pertengahan
 - c. WTL 304 Palapes Tentera Laut Peringkat Tinggi
3. Palapes Tentera Udara
 - a. WTU 103 Palapes Tentera Udara Peringkat Rendah
 - b. WTU 203 Palapes Tentera Udara Peringkat Pertengahan
 - c. WTU 304 Palapes Tentera Udara Peringkat Tinggi
4. Suksis (Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi)
 - a. WPD 101 Kor Sukarelawan Polis 1
 - b. WPD 201 Kor Sukarelawan Polis 2
 - c. WPD 301 Kor Sukarelawan Polis 3
5. Sispa (Siswa Siswi Pertahanan Awam Malaysia)
 - a. WPA 103 Siswa Siswi Pertahanan Awam Malaysia (Sispa) 1
 - b. WPA 203 Siswa Siswi Pertahanan Awam Malaysia (Sispa) 2
 - c. WPA 303 Siswa Siswi Pertahanan Awam Malaysia (Sispa) 3
6. Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia
 - a. WLK 102 Latihan Kelanasiswa Malaysia Peringkat 1
 - b. WLK 202 Latihan Kelanasiswa Malaysia Peringkat 2
 - c. WLK 302 Latihan Kelanasiswa Malaysia Peringkat 3
7. Pasukan Ambulans St. John
 - a. WJA 102 Pasukan St. John Ambulans 1
 - b. WJA 202 Pasukan St. John Ambulans 2
 - c. WJA 302 Pasukan St. John Ambulans 3
8. Pasukan Bantuan Kecemasan Bulan Sabit Merah
 - a. WBM 102 Latihan Bantuan Bulan Sabit Merah 1
 - b. WBM 202 Latihan Bantuan Bulan Sabit Merah 2
 - c. WBM 302 Latihan Bantuan Bulan Sabit Merah 3

4.2 TERAS SUKAN (1 – 3 unit)

1. WSC 105 Bola Tampar - Asas
2. WSC 106 Golf
3. WSC 108 Karate 1 }
4. WSC 208 Karate 2 } (Kursus Berpakej 3 unit, 3 semester)
5. WSC 308 Karate 3 }
6. WSC 110 Memanah - Asas
7. WSC 111 Ping Pong - Asas
8. WSC 112 Renang - Asas
9. WSC 113 Senamrobik - Asas
10. WSC 114 Skuasy - Asas
11. WSC 115 Taekwondo 1 }
12. WSC 215 Taekwondo 2 } (Kursus Berpakej 3 unit, 3 semester)
13. WSC 315 Taekwondo 3 }
14. WSC 116 Tenis - Asas
15. WSC 119 Badminton - Asas
16. WSC 124 Sepak Takraw
17. WSC 125 Futsal
18. WSC 126 Bola Jaring
19. WSC 127 Pengurusan Acara 1
20. WSC 227 Pengurusan Acara 2
21. WSC 128 Petanque
22. WSC 129 Boling Padang
23. WSC 130 Orienteering
24. WSC 131 Woodball
25. WSC 132 Koreografi Senamrobik
26. WSC 133 Boling Tenpin

4.3 TERAS KEBUDAYAAN (1 – 6 unit)

1. WCC 105 Gamelan
2. WCC 107 Gitar
3. WCC 108 Jazz Band 1 }
4. WCC 208 Jazz Band 2 } (Kursus Berpakej 6 unit, 3 sidang)
5. WCC 308 Jazz Band 3 }
6. WCC 109 Koir
7. WCC 115 Tarian Moden
8. WCC 116 Tarian Tradisional
9. WCC 117 Teater Moden
10. WCC 118 Wayang Kulit Melayu
11. WCC 119 Senaman Qigong - Asas
12. WCC 123 Silat Cekak Malaysia 1 }
13. WCC 223 Silat Cekak Malaysia 2 } (Kursus Berpakej 6 unit, 3 sidang)
14. WCC 323 Silat Cekak Malaysia 3 }
15. WCC 124 Kompang Berlagu
16. WCC 129 Tarian Latin

4.4 TERAS DAYA USAHA & INOVASI (1 unit)

1. WCC 103 Catan
2. WCC 110 Kraftangan
3. WCC 120 Canting Batik
4. WCC 121 Seni Khat
5. WCC 122 Seni Memasak
6. WCC 125 Seni Wau Tradisional
7. WCC 128 Seni Sulaman Benang dan Manik Labuci
8. WCC 130 Seni Fotografi SLR Digital
9. WCC 131 Seni Suntingan Fotografi Digital
10. WCC 132 Seni Seramik
11. WCC 133 Seni Decoupage

4.5 TERAS KEUSAHAWANAN (2 unit)

1. WUS 101 Teras Keusahawanan

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan awal dan pengenalan kepada pelajar memulakan perniagaan. Kursus ini juga melatih pelajar menguruskan syarikat perniagaan secara cekap dan berkesan. Selain itu, kursus ini bertujuan membimbing pelajar yang benar-benar serius untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya mereka. **Kursus kokurikulum ini DIWAJIBKAN kepada semua pelajar baharu sebagai salah satu komponen kursus universiti kecuali pelajar yang mengambil jurusan seperti berikut:-**

- ❖ Pengurusan
- ❖ Grafik Komunikasi
- ❖ Reka Bentuk dan Teknologi Media Baru
- ❖ Reka Baru Produk

4.6 TERAS KHIDMAT KOMUNITI (4 unit)

1. WKM 102 Khidmat Komuniti 1
2. WKM 202 Khidmat Komuniti 2

4.7 TERAS PENGUCAPAN AWAM (1 unit)

1. WEC 101 Pengucapan Awam - (**Bahasa Malaysia**)
2. WEC 101E Public Speaking – (**Bahasa Inggeris**)

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan asas ilmu dan kemahiran pengucapan awam (**dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris**). Kursus ini merangkumi pengetahuan dan kemahiran asas menyampaikan pengucapan awam; termasuk perancangan, pengurusan, pelaksanaan, teknik persembahan, teknik pengucapan persuasif, aplikasi kaedah yang sesuai dengan audiens, konteks dan matlamat serta adab pengucapan awam. Kursus ini menekankan pembelajaran melalui aktiviti dalam kelas, amalan pengurusan dan penyampaian pengucapan awam.

4.8 TERAS KELESTARIAN (2 unit)

1. WSU 101 Kelestarian Isu, Cabaran & Prospek

Kursus ini memperkenalkan konsep dan peranan pembangunan lestari untuk memastikan keperluan generasi akan datang tidak terpinggir, khususnya dalam menghadapi cabaran era globalisasi dan kemajuan teknologi maklumat. Penekanan kepada pembangunan lestari diutamakan berdasarkan 3 aspek iaitu ekonomi lestari, kepelbagaian biodiversiti dan integrasi sosial. Pelajar akan melaksanakan projek kelestarian secara berkumpulan dan berbentuk kerja lapangan. **Kursus kokurikulum ini adalah kursus OPSYEN kepada semua pelajar untuk memenuhi komponen kursus universiti.**

5. SISTEM PENILAIAN

Rancangan Kokurikulum mempunyai sistem penilaian masing-masing yang agak berbeza antara satu dengan lain. Pada penghujung semester atau sidang (tertakluk kepada keperluan kursus tertentu), penilaian akan dibuat berasaskan kepada peperiksaan, ujian, amali, kehadiran, pencapaian, sumbangan dan kemajuan dalam kursus yang dipilih. Semua kursus akan dinilai dan diberi gred abjad.

Bagi semua kursus berpakaian seragam, seseorang pelajar itu mesti mempunyai kehadiran 100 peratus kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Gred F akan diberi kepada pelajar yang tidak memenuhi kehadiran minimum yang diperlukan.

Bagi semua kursus yang lain, seseorang pelajar itu mesti mempunyai kehadiran sekurang-kurangnya 70 peratus. Gred F akan diberi kepada pelajar yang tidak memenuhi kehadiran minimum yang diperlukan.

6. PENDAFTARAN

6.1 PELAJAR DI KAMPUS INDUK

1. **Pelajar tahun pertama:** Pendaftaran akan diadakan semasa Program Siswa Lestari. Pendaftaran akan dibuat secara pentadbiran oleh Pusat Rancangan Kokurikulum
2. **Pelajar tahun kedua dan seterusnya:** Untuk mengikuti kursus-kursus kokurikulum boleh dibuat semasa minggu ulang kaji setiap semester melalui Portal *CampusOnline* USM. Keputusan permohonan akan diumumkan pada atau sebelum minggu e-daftar bermula.

6.2 PELAJAR DI KAMPUS KESIHATAN DAN KAMPUS KEJURUTERAAN
Bagi semua pelajar: Permohonan boleh dibuat melalui Sistem E-Daftar (melalui portal Campusonline) secara dalam talian pada minggu pertama semester semasa.

7. LAMAN WEB

Seandainya pelajar ingin mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut, sila layari laman web Pusat Rancangan Kokurikulum di

1. Kampus Induk: <http://kok.usm.my>
2. Kampus Kesihatan: <http://www.kck.usm.my/pkkk>

8. PENTADBIRAN



Prof. Madya Dr. Ahmad Tajuddin Othman (DS 54)

Pengarah

Pusat Rancangan Kokurikulum

Tel: 04-6535248/5240

Emel: judane@usm.my



Dr. Rahimi Che Aman (DS 52)

Timbalan Pengarah

Pusat Rancangan Kokurikulum

Tel: 04-6535241

Emel: rahimi@usm.my



Mejar (K) TUDM Dr. Mohd Salman

Abu Mansor (DS 51)

Penyelaras Kokurikulum Kampus Kejuruteraan

Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik

Tel: 04-5996385

Emel: mesalman@usm.my



Dr. Mohd Ismail Ibrahim (DU 54)

Penyelaras Kokurikulum Kampus Kesihatan

Pusat Pengajian Sains Kesihatan

Tel: 09-7676625

Emel: ismaildr@usm.my



Supt. K/S Dr. Nazarudin Zainun (DS 52)
Penyelaras MyCSD
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Tel: 04-6532879
Emel: naza@usm.my



Puan Noor Rismafarra Harris (N 41)
Penolong Pendaftar (Pentadbiran)
Pusat Rancangan Kokurikulum
Tel: 04-6535242
Emel: farra@usm.my



Pn. Norwahidah Azwa Abdul Halim (N 41)
Penolong Pendaftar (K) – MyCSD
Pusat Rancangan Kokurikulum
Tel: 04-6535843
Emel: wahida_halim@usm.my

PENGERUSI-PENGERUSI RANCANGAN

Palapes Tentera Darat, Laut dan Udara



Kapt Ir. Dr. Mohd Hazizan Bin Mohd Hashim (DS 51)
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral
Tel: 04-5996109
Emel: mohd_hazizan@usm.my

Pasukan Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (Suksis)



DSP K/S Dr. Mohd Adi Firdaus Tan Abdullah (DS 52)
Ajutan Kor Suksis USM
Pusat Penyelidikan Biokimia Analisis (ABRC)
Tel: 04-6533888 samb. 4264
Emel: aditan@usm.my

Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia



Dr. Mohd Anuar bin Arshad (DS 51)
Pusat Pengajian Pengurusan
Tel: 04-6533888 samb. 2573
Emel: anuar_arshad@usm.my

Pasukan Ambulans St. John USM



Profesor Madya Dr. Goh Sang Seong (DS 54)
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Tel: 04-6533888 samb. 2877
Emel: gohss@usm.my

Pasukan Bulan Sabit Merah USM



Dr. Zarina Bte Md Nor (DS 51)
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Tel: 04-6533888 samb. 4570
Emel: zarina_nor@usm.my

Rancangan Keusahawanan



Encik Mohd. Shafie Ariffin (DS 52)
Pusat Pengajian Pengurusan
Tel: 04-6533888 samb. 2526 / 3339
Emel: mshafie@usm.my

Rancangan Khidmat Masyarakat



Dr. Normah Abdul Latip (DS 51)
Pusat Pengajian Perumahan, Pembangunan &
Perancangan
Tel: 04-6533888 samb. 2832
Emel: norma_abdlatip@usm.my

Rancangan Sukan



Dr. Ahmad Zamri Khairani (DS 52)
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Tel: 04-6533888 samb. 2965
Emel: ahmadzamri@usm.my

Rancangan Kebudayaan



Dr. Hajah Fadzilah Bte Amzah (DS 52)

Pusat Pengajian Pendidikan
Tel: 04-6533888 samb. 3239
Emel: fadzilahamzah@usm.my

Sukan dan Kebudayaan Kampus Kesihatan



Dr. Mohd Nazri bin Shafei (DU 54)

Pusat Pengajian Sains Kesihatan
Tel: 09-7676646
Emel: drnazri@usm.my

Sukan dan Kebudayaan Kampus Kejuruteraan



Dr. Azam Taufik bin Mohd Din (DS 52)

Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
Tel : 04-5996466
Emel: chazam@usm.my

**STAF PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM
KAMPUS INDUK**



Puan Toi Pei Pei
Setiausaha Pejabat N 29
Tel: 04-6535248
Emel: toipepei@usm.my



Encik Sandrageson A/L Vello
Ketua Pembantu Tadbir N 26
Tel: 04-6535243
Emel: vsandra@usm.my



Puan Azreen Fara Arzahar
Pembantu Tadbir N 19 (Perkeranian & Operasi)
Tel: 04-6535249
Emel: azreenfara@usm.my



Puan Nur Hidayah Abdul Halim
Pembantu Tadbir N 19 (Perkeranian & Operasi)
Tel : 04-6535245
Emel : hidayah_halim@usm.my



Encik Mohamad Ammar Mohamad Supe
Pembantu Tadbir N 19 (Perkeranian & Operasi)
Tel : 04-6535249
Emel : ammars@usm.my



Puan Sebrina Zulkifli

Pembantu Tadbir N 19 (Perkeranian & Operasi)

Tel: 04-653 3888 samb. 5245

Emel: sebrina@usm.my



Encik Mohd Yusof Bakar

Pembantu Operasi N 11

Tel: 04-653 3888 samb. 5243

Emel: myusof@usm.my

**STAF PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM
KAMPUS KEJURUTERAAN**



Puan Nurul Huda Che Omar

Pembantu Tadbir N 19 (Perkeranian & Operasi) KUP

Tel: 04-599 5999 samb. 5097

Emel: conurilhuda@usm.my



Puan Sutinah Mohamed

Pembantu Tadbir N 19 (Perkeranian & Operasi) KUP

Tel: 04-599 5999 samb. 5211

Emel: sutinah@usm.my



Puan Shafaridah Samsudin

Pembantu Tadbir N 22 (Perkeranian & Operasi) KUP

Tel: 04-599 5999 samb. 5212

Emel: shafaridah@usm.my

**STAF PUSAT RANCANGAN KOKURIKULUM
KAMPUS KESIHATAN**



Encik Mohd Ismadi Mohd Isa
Penolong Pengurus Asrama N 32
Tel: 09-767 2372
Emel: ismadi@usm.my



Encik Norbasudi Muhamad Nor
Pembantu Tadbir Kanan (N 22) KUP
Tel: 09-767 2371
Emel: nbasudi@usm.my

Buku panduan ini khusus untuk kegunaan mahasiswa/i kemasukan Sidang Akademik 2017/2018. Pihak Universiti dan Pusat Pengajian berhak membuat apa-apa perubahan yang terkandung dalam Buku Panduan ini tanpa sebarang notis.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Akademik & Antarabangsa
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang.

T: 04-653 3888 samb. 2430 / 2597 / 2346

F: 04-656 6699

© Hak Cipta Terpelihara

Rekabentuk kulit oleh: NirMaryadi Rashid

*Mentransformasikan Pengajian Tinggi
untuk Kelestarian Hari Esok*

